

01 JUN 2000

Mahathir-Kereta Kabel

KERETA KABEL GUNUNG MATCINCANG DALAM KAJIAN, KATA MAHATHIR

LANGKAWI, 1 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan akan mempertimbangkan secara positif cadangan untuk mengadakan projek kereta kabel ke Gunung Matcincang di sini.

Beliau berkata projek kereta kabel itu nampaknya menarik kerana banyak perkara yang boleh dilihat dari atas gunung itu.

"Kita tengok dahulu projek itu. Kita akan laksanakan secepat mungkin kalau kosnya tidak begitu tinggi. Kita juga perlu tengok sama ada pulangnya akan menguntungkan, kita akan mempertimbangkan," katanya kepada pemberita selepas mendengar taklimat mengenai projek itu di Oriental Village, Teluk Burau.

Projek itu dianggar bernilai RM45 juta dan dikendalikan oleh Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA). Ia menghubungkan gunung setinggi 700 meter itu dengan Oriental Village, yang dibuka tidak lama lagi dengan menawarkan pelbagai barangan bebas cukai yang tulen.

Dalam taklimat sebelum itu, Pengarah Urusan Wyss Planning Consultants, Dr Peter A. Wyss, berkata projek itu boleh menjadi tarikan pelancong yang besar bagi pulau ini.

Syarikat itu telah ditugaskan menjalankan kajian daya maju projek itu.

Wyss berkata jenis kereta yang dicadangkan ialah yang berbentuk gondola dan boleh membawa enam penumpang bagi setiap kereta.

Projek itu bercorak mesra alam kerana ia akan dibina tanpa membabitkan penebangan pokok atau pemetongan bukit, kata beliau.

Selepas taklimat itu Dr Mahathir melawat cawangan Langkawi Kristal yang juga terdapat di perkampungan itu.

-- BERNAMA

NH MZM NMO